

Google Meet

Google Ireland Limited (“Google”)

Gordon House, Barrow Street, Dublin 4, Ireland

<https://support.google.com/>

Berkuat kuasa pada 21 Disember 2020

Ringkasan kontrak

- Ringkasan kontrak ini menerangkan unsur utama tawaran perkhidmatan kami seperti yang diperlukan oleh undang-undang EU¹.
- Ringkasan ini bertujuan untuk membantu anda membuat perbandingan antara tawaran perkhidmatan
- Maklumat lengkap tentang tawaran perkhidmatan kami boleh didapati dalam dokumen lain.

Perkhidmatan

Google Meet ialah perkhidmatan komunikasi video yang ditawarkan merentasi peranti dan platform melalui antara muka atau aplikasi web Sambungan Internet diperlukan untuk berkomunikasi melalui Google Meet. Google Meet disediakan oleh Google menggunakan kemahiran dan ketelitian yang munasabah meskipun tiada tahap minimum kualiti perkhidmatan ditawarkan.

Harga

Google Meet ditawarkan tanpa kos dan penggunaan perkhidmatan ini tertakluk pada pematuhan Syarat Perkhidmatan Google (boleh didapati di <https://policies.google.com/terms>).

Tempoh, pembaharuan dan penamatan

Google Meet tersedia untuk anda gunakan dengan serta-merta selepas pendaftaran. Anda tidak wajib menggunakan Google Meet untuk suatu tempoh yang ditetapkan dan bebas untuk berhenti menggunakan perkhidmatan ini pada bila-bila masa.

Ciri untuk pengguna akhir kurang upaya

Anda boleh menggunakan pembaca skrin dan pintasan papan kekunci dalam Google Meet dan boleh memaparkan sari kata orang yang sedang bercakap. Maklumat lanjut boleh didapati di <https://www.google.com/accessibility>.

Maklumat lain yang berkaitan

Sokongan Pelanggan: Bantuan / Sokongan untuk Google Meet boleh didapati di <https://support.google.com/>.

Pertikaihan: Anda mungkin boleh membuat aduan kepada penyedia penyelesaian pertikaian alternatif yang disenaraikan di <https://ec.europa.eu/consumers/odr/main/?event=main.adr.show2> atau penyedia lain, seperti yang diperlukan dari segi undang-undang untuk negara anda. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Syarat Perkhidmatan Google.

Insiden Keselamatan: Google mengekalkan program pengurusan insiden 24 jam sehari 7 hari seminggu yang rapi untuk mengenal pasti dan bertindak terhadap peristiwa keselamatan atau privasi dengan segera. Google juga menyediakan Senarai Semak Keselamatan Google untuk membantu anda mengurus keselamatan anda dalam talian.

Data Peribadi: Untuk mendaftar bagi menggunakan Google Meet, anda perlu memberikan nama, e-mel dan nombor telefon anda. Dasar Privasi Google (boleh didapati di

<https://policies.google.com/privacy>) memberikan maklumat lanjut tentang data peribadi yang dikumpulkan oleh Google apabila anda menggunakan Google Meet. Dasar Privasi Google tidak membentuk sebahagian daripada kontrak antara anda dengan Google, atau sebahagian daripada ringkasan ini.

¹ Artikel 102(3) Arahan (EU) 2018/1972 Parlimen Eropah dan Majlis bertarikh 11 Disember 2018 yang membentuk Kod Komunikasi Elektronik Eropah (OJ L 321, 17.12.2018, m/s. 36).